

Headline	Masjid Jamek Bandar Karak terima van jenazah dari TH		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	28 Oct 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	65	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	136 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,358
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,073



**Kuala Lumpur:** Penantian lebih 40 tahun pengurusan Masjid Jamek Bandar Karak, Bentong, Pahang untuk memiliki van jenazah berakhir selepas Lembaga Tabung Haji (TH) menyumbangkan sebuah kenderaan itu.

Van jenazah dwifungsi bernilai RM127,000 adalah sumbangan sebahagian daripada program zakat tanggungjawab sosial korporat (CSR) TH.

Masjid Jamek Bandar Karak antara 11 masjid di seluruh negara yang menerima bantuan di bawah Projek Mobiliti TH.

Pengerusi Masjid Jamek Bandar Karak, Jamaludin Tahir, 69, berkata, pihaknya bersyukur harapan pengurusan masjid serta kira-kira 5,000 penduduk untuk me-

## Masjid Jamek Bandar Karak terima van jenazah dari TH



ABDUL Azeez (lima dari kanan) bersama penerima van jenazah.

miliki van jenazah sudah tercapai.

Katanya, selama ini pihak masjid menumpang van je-

nazah dari masjid sekitarnya untuk menguruskan pengebumian ahli kariahnya.

“Kita memang berusaha

untuk mendapatkan van jenazah, namun proses berkenaan bukan mudah kerana ada pihak berjanji untuk memberi (sumbangan) tetapi tidak dapat menunaikannya.

“Selama ini, pihak masjid mengeluarkan belanja sendiri sekitar RM200 untuk sewaan kenderaan bagi satu hari jika ada urusan pengebumian,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menerima replika kunci van jenazah itu yang disempurnakan Pengerusi TH, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim di Dewan Besar TH, di sini, semalam.